

APLIKASI *BSNSECURE*

1. Apakah *BSNSecure*?

BSNSecure adalah aplikasi (*apps*) untuk mengesahkan transaksi Perbankan Internet myBSN anda dengan mudah dan selamat melalui peranti mudah alih berdaftar anda.

Sebaik sahaja anda telah mendaftar dan mengaktifkan Aplikasi *BSNSecure* sebagai mod pengesahan, ia akan menjadi kaedah tetap untuk meluluskan **SEMUA** transaksi Perbankan Internet myBSN anda menggantikan **SMS TAC**. Untuk maklumat lanjut sila layari <https://www.bsn.com.my/page/BSNSecure>

2. Apakah *Secure Verification*, *Secure TAC* dan *SMS TAC*?

Secure Verification:

Satu pemberitahuan semerta (*Push Notification*) akan dihantar ke peranti mudah alih anda yang berdaftar untuk mengesahkan transaksi Perbankan Internet myBSN. Anda dikehendaki tekan pada pemberitahuan tersebut iaitu **Approve** (Lulus/Terima) atau **Reject** (Tolak) transaksi dalam masa 60 saat. *Secure Verification* (Pemberitahuan Semerta) akan menjadi kaedah tetap untuk meluluskan semua transaksi Perbankan Internet myBSN anda.

Secure TAC:

Sekiranya tiada *Secure Verification* (Pemberitahuan Semerta) diterima, *Secure TAC* akan berfungsi untuk anda mengesahkan transaksi Perbankan Internet myBSN

Nombor *Secure TAC* 6-digit akan dijana pada aplikasi *BSNSecure*. Anda boleh menggunakan nombor tersebut untuk mengesahkan transaksi pilihan yang dilakukan melalui Perbankan Internet myBSN.

Nota: Nombor akan tertera dan dijana semula setiap 60 saat.

SMS TAC:

Kaedah pengesahan yang dihantar ke nombor peranti mudah alih anda melalui SMS menggunakan penyedia perkhidmatan telekomunikasi anda. Setelah Aplikasi *BSNSecure* dilancarkan, pelanggan hanya boleh menggunakan *Secure Verification* (Pemberitahuan Semerta) dan *Secure TAC* sebagai mod untuk mengesahkan transaksi Perbankan Internet myBSN. Kaedah *SMS TAC* akan dihentikan untuk perkhidmatan Perbankan Internet myBSN terpilih.

3. Bagaimanakah caranya untuk saya mendaftar Aplikasi *BSNSecure*?(Pendaftaran & Pengaktifan)

Aplikasi *BSNSecure* boleh dimuat turun dari *Google Play Store*, *Apple App Store* atau *Huawei AppGallery*.

Cara Pendaftaran Aplikasi *BSNSecure* - Pelanggan Baharu

Berikut adalah langkah mudah untuk anda melengkapkan pendaftaran Aplikasi *BSNSecure*.

Langkah 1: Lancarkan aplikasi apabila berjaya dimuat turun dan tekan pada butang **Register Now**

Langkah 2: Teruskan untuk memasukkan Nama Pengguna dan Kata Laluan Perbankan Internet myBSN

Langkah 3: Masukkan Nama Peranti, nombor ID & klik **Submit** untuk mengesahkan

Langkah 4: Masukkan SMS OTP untuk pengesahan dan teruskan dengan Pengaktifan

Langkah 5: Setelah pengaktifan berjaya, skrin pengakuan akan ditunjukkan kepada anda pada Aplikasi *BSNSecure*

4. Adakah Aplikasi *BSNSecure* diperlukan untuk digunakan bagi semua transaksi?

Sebagai langkah untuk terus melindungi keselamatan perbankan dalam talian anda, *BSNSecure* akan menjadi kaedah pengesahan yang diutamakan untuk transaksi yang dilakukan melalui Perbankan Internet myBSN. (Rujuk Soalan Lazim no. 31 - Senarai transaksi Perbankan Internet myBSN yang memerlukan *BSNSecure* bagi pengesahan transaksi).

5. Bagaimanakah caranya untuk saya mengesahkan transaksi dengan *BSNSecure* menggunakan *Secure Verification* (Pemberitahuan Semerta)?

Anda akan menerima *Secure Verification* (Pemeritahuan Semerta) pada peranti mudah alih yang berdaftar untuk Aplikasi *BSNsecure*. Tekan pada notifikasi untuk melihat *Secure Verification* anda, dan tekan **Approve** atau **Reject** transaksi dalam masa 60 saat.

***Secure Verification/ Push Notification* (Pemberitahuan Semerta) (Kaedah Tetap)**

Langkah 1: Lakukan transaksi di Perbankan Internet myBSN yang memerlukan pengesahan *BSNSecure*

Langkah 2: Terima Pemberitahuan Semerta pada Aplikasi *BSNSecure*

Langkah 3: Tekan pada notis pemberitahuan dan sahkan butiran transaksi

Langkah 4: Teruskan dengan pengesahkan transaksi **Approve / Reject**

Tip: Sila aktifkan pemberitahuan semerta pada peranti mudah alih berdaftar anda untuk menerima Pemberitahuan Semerta dari Aplikasi BSNSecure.

6. Bagaimanakah caranya untuk saya mengesahkan transaksi dengan BSNSecure menggunakan *Secure TAC*?

Secure TAC

Sekiranya tiada *Secure Verification* (Pemberitahuan Semerta) diterima disebabkan oleh isu sambungan Internet (*Internet connectivity*), *Secure TAC* akan berfungsi untuk anda mengesahkan transaksi Perbankan Internet myBSN.

Nombor *Secure TAC* 6-digit akan dijana pada aplikasi *BSNSecure*
Anda boleh menggunakan nombor tersebut untuk mengesahkan transaksi pilihan yang dilakukan melalui Perbankan Internet myBSN.

Langkah 1: Lakukan transaksi melalui Perbankan Internet myBSN yang memerlukan pengesahan BSNSecure

Langkah 2: Klik pada **Request Code** di halaman pengesahan transaksi

Langkah 3: Perbankan Internet myBSN akan memaparkan Kod Cabaran untuk dimasukkan oleh pelanggan pada Aplikasi *BSNSecure*

Langkah 4: Masukkan **Challenge Code** pada Aplikasi *BSNSecure* untuk menjana 6 digit *Secure TAC*

Langkah 5: Masukkan nombor *Secure TAC* pada Perbankan Internet myBSN dan tekan **Confirm** untuk menyelesaikan transaksi.

Nota: Kaedah pengesahan melalui *Secure TAC* hanya akan diaktifkan selepas 60 saat setelah sesi *Secure Verification* (Pemberitahuan Semerta) telah tamat tempoh.

7. Apakah yang akan berlaku jika saya memasukkan Kod *Secure TAC* yang salah atau Kod *Secure TAC* telah tamat tempoh?

Anda perlu meminta *Secure TAC* baharu jika kod yang diminta sebelum ini telah tamat tempoh. Transaksi Perbankan Internet myBSN akan ditolak jika diletakkan *Secure TAC* yang salah atau jika *Secure TAC* telah tamat tempoh. (*Secure TAC* hanya sah dalam masa 60 saat).


SOALAN LAZIM APLIKASI BSNSECURE

<p>8. Berapa lama masa yang saya ada untuk meluluskan transaksi dengan <i>Secure Verification</i> (Pemberitahuan Semerta)?</p>
<p>Anda diberi 60 saat untuk meluluskan transaksi melalui Aplikasi <i>BSNSecure</i>.</p>
<p>9. Apakah yang berlaku jika saya tidak meluluskan transaksi Perbankan Internet myBSN dengan <i>Secure Verification</i> / <i>Secure TAC</i>?</p>
<p>Transaksi tidak akan diproses dan amaun tidak ditolak daripada akaun anda.</p>
<p>10. Bolehkah saya menggunakan Aplikasi <i>BSNSecure</i> untuk meluluskan transaksi saya tanpa sambungan internet atau internet perlahan?</p>
<p>Sambungan <i>internet</i> yang stabil diperlukan untuk meluluskan transaksi menggunakan <i>Secure Verification</i> (Pemberitahuan Semerta) atau <i>Secure TAC</i>.</p>
<p>11. Bolehkah saya masih menggunakan Aplikasi <i>BSNSecure</i> semasa saya berada di luar negara?</p>
<p>Ya, Aplikasi <i>BSNSecure</i> boleh digunakan semasa di luar negara, melalui peranti mudah alih yang sama serta selagi anda mempunyai sambungan internet yang stabil.</p>
<p>12. Mengapa saya tidak boleh meminta <i>SMS TAC</i> semasa membuat transaksi di myBSN?</p>
<p>Bermula 1 Julai 2023, semua transaksi yang dilakukan melalui Perbankan Internet myBSN perlu disahkan melalui Aplikasi <i>BSNSecure</i> untuk menggantikan <i>SMS TAC</i>.</p>
<p>13. Mengapakah sesetengah transaksi menggunakan <i>SMS TAC</i> sedangkan yang lain menggunakan Aplikasi <i>BSNsecure</i>?</p>
<p><i>SMS TAC</i> hanya KHUSUS untuk pendaftaran Perbankan Internet myBSN dan pengaktifan Aplikasi <i>BSNSecure</i>. (Sila Rujuk senarai transaksi yang memerlukan pengesahan melalui Aplikasi <i>BSNSecure</i>).</p>
<p>14. Bolehkah saya membatalkan pendaftaran Aplikasi <i>BSNSecure</i>?</p>
<p>Ya, anda boleh melakukan pembatalan pendaftaran Aplikasi <i>BSNSecure</i> melalui Perbankan Internet myBSN.</p>

Sila ambil perhatian bahawa dengan membatalkan pendaftaran Aplikasi *BSNSecure* anda, ia tidak akan mengembalikan kaedah pengesahan anda kepada *SMS TAC*.

Notifikasi untuk mendaftar semula kepada Aplikasi *BSNSecure* akan dipaparkan apabila anda perlu mengesahkan transaksi yang dibuat melalui Perbankan Internet myBSN.

Nota: Pelanggan dinasihatkan untuk segera mendaftar semula aplikasi *BSNSecure* pada peranti yang baharu bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Tanpa Aplikasi *BSNSecure*, anda tidak akan dapat mengesahkan dan menyelesaikan transaksi.

15. Bagaimanakah caranya untuk saya membatalkan pendaftaran Aplikasi *BSNSecure*?

Sila ikuti langkah berikut untuk melakukan pembatalan pendaftaran Aplikasi *BSNSecure*.

Langkah 1: Log masuk ke Perbankan Internet myBSN

Langkah 2: Tekan pada menu ***Manage Account***

Langkah 3: Tekan pada ***BSNSecure Registration***

Langkah 4: Tolak togol untuk pembatalan pendaftaran

16. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak menerima maklumat pemberitahuan *Secure Verification* untuk mengesahkan transaksi saya?

Selepas Aplikasi *BSNSecure* didaftarkan, anda dinasihatkan untuk mengaktifkan Pemberitahuan Semerta (*Push Notification*) pada peranti mudah alih anda yang didaftarkan.

Sekiranya anda masih tidak menerima *Secure Verification (Push Notification)*, anda boleh buka Aplikasi *BSNSecure* untuk melihat butiran transaksi yang dilakukan dan mengesahkannya.

Walaupun bagaimanapun, jika butiran transaksi masih tiada, pelanggan boleh terus menggunakan *Secure TAC*. (Rujuk Soalan Lazim no 4 – Cara mengesahkan transaksi menggunakan *Secure TAC*)

17. Bagaimana jika aplikasi telefon saya tersekat apabila saya meluluskan transaksi menggunakan *BSNSecure*?

Status transaksi boleh disemak pada halaman sejarah transaksi Perbankan Internet myBSN anda. Status akan memaparkan status transaksi sama ada berjaya atau tidak.

18. Bolehkah saya mendaftar untuk Aplikasi *BSNSecure* pada dua peranti berbeza?

Tidak, Aplikasi *BSNSecure* hanya boleh didaftarkan pada 1 peranti bagi setiap nombor kad pengenalan/ ID.

Sebagai contoh: Anda mempunyai dua peranti mudah alih dan telah mendaftarkan Peranti Mudah Alih 1 ke Aplikasi *BSNSecure* dengan no. IC/ID 12345678910. Kemudian, jika anda memutuskan untuk mendaftar Aplikasi *BSNSecure* ke Peranti Mudah Alih 2 dengan no IC/ID yang sama 12345678910, Aplikasi *BSNSecure* akan didaftarkan ke Peranti Mudah Alih 2 dan pengesahan daripada Peranti Mudah Alih 1 akan dibatalkan pendaftarannya secara automatik.

19. Apakah keperluan minimum peranti untuk menggunakan Aplikasi *BSNSecure*?

Aplikasi *BSNSecure* boleh beroperasi pada *iOS* 12 atau lebih baharu, *Android* 9.0 atau lebih baharu dan *Huawei* 9.0. Sila pastikan peranti mudah alih anda sentiasa menggunakan versi perisian terkini untuk memastikan pengalaman Perbankan Internet yang lancar.

20. Bolehkah saya menggunakan Aplikasi *BSNSecure* jika peranti saya menggunakan *jailbreak* dan *rooted* (Aplikasi tidak sah) pada *iOS* dan *Android*?

Tidak, Aplikasi *BSNSecure* tidak disokong pada peranti *iOS* dan *Android* yang telah *jailbroken* dan *rooted* (peranti tidak sah) untuk memastikan akaun perbankan internet anda kekal selamat dan terjamin.

21. Saya telah menukar peranti saya baru-baru ini. Adakah saya perlu mengaktifkan Aplikasi *BSNSecure* sekali lagi?

Ya, anda perlu mengaktifkan Aplikasi *BSNSecure* sekali lagi. Aplikasi *BSNSecure* hanya boleh didaftarkan pada satu peranti pada satu masa. Selepas pendaftaran & pengaktifan Aplikasi *BSNSecure* dilakukan pada peranti lain, anda akan menerima pemberitahuan semerta dan makluman SMS.

Langkah 1: Lancarkan Aplikasi *BSNSecure* pada peranti mudah alih baharu

Langkah 2: Tekan pada butang **Register Now** dan terus masukkan Nama Pengguna dan Kata Laluan Perbankan Internet myBSN

Langkah 3: Mesej akan dipaparkan sekiranya anda ingin menukar Aplikasi *BSNSecure* kepada peranti mudah alih baharu

Langkah 4: Tekan **(Yes/No)**

Langkah 5: Sekiranya anda tekan **Yes**, anda boleh meneruskan proses Pendaftaran & Pengaktifan Aplikasi *BSNSecure* pada peranti mudah alih baharu (Rujuk langkah Pendaftaran & Pengaktifan Aplikasi *BSNSecure*)

Nota: Pelanggan dinasihatkan untuk segera mendaftar semula aplikasi *BSNSecure* pada peranti baharu untuk meneruskan aktiviti Perbankan Internet myBSN seperti biasa.

22. Saya baru sahaja bertukar kepada Telekomunikasi baharu dan mereka telah memberikan saya kad SIM baharu tetapi nombor telefon bimbit kekal tidak berubah, adakah ini akan memberi kesan kepada Aplikasi *BSNSecure* saya?

Tidak.

Selagi nombor dan peranti mudah alih anda kekal dan tidak berubah, anda boleh terus mengesahkan transaksi Perbankan Internet myBSN anda seperti biasa.

23. Bagaimana jika saya telah menukar kepada nombor telefon baharu?

Menukar nombor peranti mudah alih anda tidak akan menjejaskan Aplikasi *BSNSecure* yang telah diaktifkan pada peranti mudah alih anda.

Walau bagaimanapun, perubahan pada nombor telefon bimbit anda akan menjejaskan SMS TAC anda yang masih diperlukan untuk melakukan transaksi terpilih lain terutamanya bagi pengaktifan dan perkhidmatan lain di BSN.

Sila kunjungi mana-mana Cawangan BSN terdekat untuk mengemaskini nombor telefon bimbit baru anda.

24. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya kehilangan peranti mudah alih saya? Bolehkah saya mendaftar semula untuk Aplikasi *BSNSecure* pada peranti baharu?

Sekiranya anda kehilangan peranti mudah alih anda, anda dinasihatkan untuk membatalkan pendaftaran Aplikasi *BSNSecure* dalam Perbankan Internet myBSN. (Rujuk untuk cara pembatalan pendaftaran Aplikasi *BSNSecure*).

Setelah anda selesai dengan proses pembatalan pendaftaran, anda boleh mendaftar semula Aplikasi *BSNSecure* pada peranti mudah alih yang baharu.

25. Saya tidak melakukan transaksi, tetapi saya telah menerima makluman untuk mengesahkan transaksi menggunakan *Secure Verification* (Pemberitahuan Semerta). Apa patut saya lakukan?

Anda boleh memilih butang **REJECT** bagi membatalkan transaksi yang tidak dilakukan jika menerima makluman *Secure Verification* (Pemberitahuan Semerta) bagi pengesahan transaksi.

Jika terdapat sebarang aktiviti yang mencurigakan melibatkan akaun anda, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN melalui talian 1-300-88-1900 (tempatan) atau +603 2613 1900 (luar negara) dengan segera untuk membuat laporan.

26. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang *BSNsecure*?

Untuk maklumat lanjut dan video panduan layari www.bsn.com.my atau hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN melalui talian 1-300-88-1900 untuk pertanyaan lanjut.

Tempoh Waktu Bertenang bagi Perbankan Internet myBSN & Aplikasi *BSNSecure*

27. Adakah ini akan menjejaskan saya apabila saya mendaftar untuk Aplikasi *BSNSecure* buat kali pertama?

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab kami untuk melindungi aktiviti Perbankan Internet myBSN daripada sebarang transaksi yang tidak dibenarkan, tempoh bertenang selama 12 jam akan dilakukan melibatkan pelanggan berikut:

Senario 1: Pengguna Perbankan Internet myBSN sedia ada yang telah mendaftar untuk Aplikasi *BSNSecure* buat kali pertama

Senario 2: Pengguna Perbankan Internet myBSN sedia ada yang telah mendaftar untuk Aplikasi *BSNSecure* dan telah menukar kepada peranti mudah alih yang baharu.

Senario 3: Pengguna baharu yang telah mendaftar Perbankan Internet myBSN dan melakukan pengesahan buat pertama kali bagi Perbankan Internet myBSN di Cawangan / Pusat Perhubungan Pelanggan BSN, dan melakukan pendaftaran untuk Aplikasi *BSNSecure* buat kali pertama.

28. Saya tidak dapat menggunakan *BSNSecure* selepas membuat transaksi di Perbankan Internet myBSN selepas saya mengaktifkannya. Apa patut saya buat?

Pengesahan melalui Aplikasi *BSNSecure* tidak boleh digunakan serta-merta selepas pendaftaran. Terdapat tempoh bertenang selama 12 jam sebelum anda boleh melakukan pengesahan transaksi melalui Aplikasi *BSNSecure*.

29. Saya sebelum ini telah mendaftar dan mengaktifkan BSN Secure pada peranti mudah alih saya. Saya juga telah membatalkan Aplikasi *BSNSecure* dan baru-baru ini memuat turun semula pada peranti yang sama. Adakah saya perlu mengaktifkan Aplikasi *BSNSecure* dan akan dikenakan tempoh bertenang selama 12 jam sekali lagi?

Ya, anda perlu mengaktifkan semula Aplikasi *BSNSecure* akan tetapi anda tidak perlu menunggu selama 12 jam tempoh bertenang sekiranya anda telah mengaktifkan Aplikasi *BSNSecure* pada peranti mudah alih yang sama sebelum ini.

30. Saya telah menukar peranti saya baru-baru ini. Adakah saya perlu mengaktifkan Aplikasi *BSNSecure* sekali lagi?

Ya, anda perlu mengaktifkan semula Aplikasi *BSNSecure*.

Selepas pengaktifan semula Aplikasi *BSNSecure* pada peranti baharu, anda akan menerima pemberitahuan semerta dan SMS yang memberitahu bahawa tempoh pengaktifan 12 jam sedang berjalan. Selepas 12 jam, anda boleh mengesahkan transaksi melalui Aplikasi *BSNSecure* seperti biasa.

31. Transaksi Berkenaan Aplikasi *BSNSecure*

Di bawah adalah senarai transaksi Perbankan Internet myBSN yang memerlukan pengesahan melalui Aplikasi *BSNSecure*.

Jenis Transaksi	Jenis Pengesahan		
	NA	BSNSecure	SMS OTP / TAC
Log masuk ke Perbankan Internet myBSN	√		
Lihat Baki Akaun & Sejarah Transaksi	√		
Muat Turun E-Penyata	√		
Pindahan & Pembayaran Akaun Sendiri (termasuk Kad Kredit & Pembiayaan BSN)	√		
Simpanan e-SSP	√		
Kad Debit: - Kemas kini Had Pembelian - Kemas kini Status Transaksi Luar Negara - Kemas kini Status Pembelian Dalam Talian - Laporkan Kad Hilang / Dicuri		√	
Tambah <i>New Favourite</i> (Akaun Pihak Ketiga, Pindahan DuitNow, JomPAY)		√	
Tetapan NAD (DuitNow)		√	
Penyelenggaraan Akaun Lain		√	
Favorite Transfer & Payment		√	
<i>Open Transfer</i> (DuitNow, Pindahan Akaun pihak ketiga)		√	
<i>Open Payment</i> (JomPAY, Pengebil, Tambah Nilai Prabayar, Pembelian U-Pin,		√	

Kad Kredit / Pembiayaan pihak ketiga, FPX)			
Arahan Tetap		√	
Tetapan Akaun (myBSN) - Kemas kini Profil - Kemas kini Soalan & Jawapan Keselamatan - Kemas kini Imej Dalam Talian - Kemas kini Had Transaksi - Tukar kata laluan		√	
<i>Future Transfer & Recurring (SI)</i> – Akaun Pihak Ketiga, Pindahan DuitNow, JomPAY		√	
<i>Safe Switch</i>		√	
Permintaan/Tukar PIN Kad Kredit			√
Pendaftaran Perbankan Internet myBSN			√
Pendaftaran / Pengaktifan Peranti BSNSecure			√
Lupa kata laluan			√